

Guan Eng gagal tangani banjir kilat salahkan JPS

Georgetown: Ketua Menteri, Lim Guan Eng semalam menyalahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kerana masalah banjir kilat yang kerap melanda negeri ini.

Beliau mendakwa, kegagalan JPS Pulau Pinang merangka pelan mitigasi banjir dengan segera sebagai punca bencana itu berulang, selain tidak dapat menyiapkan semua

projek mitigasi hingga ada yang tergendala selama empat tahun.

Katanya, tambah memburukkan lagi keadaan apabila Pulau Pinang menerima taburan hujan yang tinggi berikutan perubahan cuaca yang tidak menentu.

"Bagaimanapun, kita bersyukur kerana tidak mengalami masalah catuan air seperti beberapa negeri

lain. Masalah kita hanyalah banjir kilat yang masih gagal dibendung.

Tunggu peruntukan RM350j

"Pada masa sama, kita masih menunggu peruntukan RM350 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk memastikan banjir kilat dapat diatasi," katanya yang juga Setiausaha Agung DAP ketika me-

rasmikan Konvensyen DAP Pulau Pinang 2016.

Sementara itu, Pengarah JPS Pulau Pinang, Sabri Abdul Mulok ketika dihubungi, berkata pihaknya akan mengenal pasti projek yang didakwa tertangguh selama empat tahun itu, namun enggan mengulas lanjut berhubung perkara berkenaan.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya meminta Guan Eng berhenti menuding jari kepada Kerajaan Pusat setiap kali banjir kilat di Pulau Pinang kerana masalah berkenaan tidak akan selesai jika punca sebenar bencana tidak diatasi segera kerajaan negeri.

Katanya, kerajaan negeri harus melihat kembali semua peranca-

ngan pembangunan yang mahu dilaksanakan, terutama membatikan kegiatan meratakan bukit dan menambak laut.

Banjir kilat semakin kerap di negeri ini apabila ada kawasan yang tidak pernah dilanda bencana itu turut mengalami nasib sama sehingga menimbulkan kemarahan orang ramai.

Mereka menyalahkan kegiatan penerokaan hutan tidak terkawal sebagai punca masalah.

Antara kawasan paling kerap dilanda bencana itu ialah Bayan Baru, Bayan Lepas, Relau dan Paya Terubong, dipercayai akibat kegagalan sistem pengaliran menampung jumlah air susulan kerja pembinaan projek komersial berdekatan yang padat.